



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 20(1) Perlembagaan UPM, Lembaga Pengarah Universiti membuat Dasar berikut:

DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (TOLAK ANSUR SIFAR MENGENAI PERBUATAN GANGGUAN SEKSUAL)

Universiti Putra Malaysia (UPM) komited menyediakan persekitaran dalam kampus yang selamat dan sejahtera kepada warga UPM. Perbuatan gangguan seksual boleh mengganggu gugat keselamatan dan kesejahteraan warga UPM. Universiti tidak akan bertoleransi dengan apa-apa perbuatan gangguan seksual sama ada perlakuan itu secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal ke atas warga UPM tanpa mengambil kira perbuatan gangguan itu dilakukan oleh:

- pekerja kepada pekerja;
- pekerja kepada pelajar;
- pekerja kepada pelanggan UPM;
- pelanggan UPM kepada pekerja;
- pelajar kepada pelajar;
- pelajar kepada pekerja;
- pelajar kepada pelanggan UPM;
- pelanggan UPM kepada pelajar.

Semua warga UPM hendaklah menjauhi perbuatan gangguan seksual dan hendaklah mematuhi Dasar ini. Universiti menganggap perbuatan gangguan seksual adalah suatu kesalahan serius dan Universiti mempunyai tolak ansur sifar terhadap apa-apa perbuatan gangguan seksual dan akan mengambil tindakan sewajarnya termasuk tindakan tatatertib dan guaman ke atas pelaku perbuatan itu.

Dibuat 13 Oktober 2020

YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Putra Malaysia



**GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(TOLERANSI SIFAR TERHADAP
GANGGUAN SEKSUAL)**

**GARIS PANDUAN
PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN
PENDERAAN SEKSUAL
(PSEA)**

**GARIS PANDUAN
PENGENDALIAN KES
GANGGUAN SEKSUAL DI
TEMPAT KERJA
(KAKITANGAN)**

**GARIS PANDUAN
PENGENDALIAN KES
GANGGUAN SEKSUAL DI
UPM
(PELAJAR)**



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA)

1.1. PENGENALAN

Universiti Putra Malaysia (UPM) meletakkan maruah manusia sebagai keutamaan dalam aktiviti pengajaran, penyelidikan, profesional dan khidmat masyarakat. UPM menumpukan usaha untuk memberikan impak kepada integriti dalam urusan terasnya melalui penglibatan dengan komuniti secara meluas termasuk komuniti terpinggir, dewasa rentan dan kanak-kanak. Berurusan dengan pelbagai kumpulan manusia mungkin mendedahkan mereka yang berisiko terhadap eksploitasi dan penderaan seksual. Isu sebegini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja kerana ia melanggar norma dan piawai antarabangsa yang diiktiraf secara sejagat dan merupakan tingkah laku yang tidak boleh diterima.

Garis panduan ini selaras dengan dasar Toleransi Sifar Terhadap Gangguan Seksual (minit mesyuarat LPU 146/07 bertarikh 13 Oktober 2020) di Universiti Putra Malaysia. Garis panduan ini menetapkan komitmen UPM terhadap perlindungan eksploitasi dan penderaan seksual (*Protection from Sexual Exploitation and Abuse* atau PSEA) terhadap dewasa rentan dan kanak-kanak yang melibatkan Pihak Berkepentingan UPM. UPM mengamalkan toleransi sifar terhadap eksploitasi dan penderaan seksual. UPM memandang serius semua kebimbangan dan aduan tentang eksploitasi dan penderaan seksual yang melibatkan Pihak Berkepentingan UPM. UPM akan menjalankan siasatan yang teliti terhadap aduan yang menunjukkan kemungkinan pelanggaran dasar ini dan mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya, seperti yang ditetapkan.

Nota:

Istilah 'eksploitasi dan penderaan seksual (*Sexual Exploitation and Abuse* atau SEA)' digunakan secara bertukar ganti bergantung pada struktur ayat

1.2. TAKRIF

Istilah	
Kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none">• Kanak-kanak ialah mana-mana individu yang berumur di bawah 18 tahun



**GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Istilah	
Dewasa rentan	<ul style="list-style-type: none"> • Mereka yang berumur lebih 18 tahun dan dikenal pasti sebagai tidak dapat menjaga diri mereka sendiri/melindungi diri mereka sendiri daripada bahaya atau eksploitasi; atau • mereka yang, disebabkan oleh jantina, kesihatan mental atau fizikal, hilang upaya, etnik, pegangan agama, orientasi seksual, status ekonomi atau sosial, atau akibat bencana dan konflik, dianggap sebagai berisiko.
Pihak Berkepentingan UPM	<p>1. Pihak Berkepentingan Dalam UPM</p> <p>Istilah ini merangkumi semua Ahli Lembaga UPM, Kakitangan UPM dan Pelajar UPM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ahli Lembaga UPM ialah semua ahli lembaga pengarah UPM atau jawatankuasa penyeliaan UPM yang dipilih. • Kakitangan UPM ialah semua pekerja berdaftar dalam semua kategori/pangkat dan jenis (tetap/kontrak) • Pelajar UPM ialah semua pelajar UPM yang berdaftar dan aktif. <p>2. Pihak Berkepentingan Luar UPM</p> <p>Istilah ini merangkumi semua Rakan Usaha Sama, atau Kumpulan lain yang mempunyai penglibatan rasmi dengan UPM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rakan Usaha Sama UPM termasuk sukarelawan, pelatih, perunding antarabangsa dan tempatan, selain kontraktor individu dan korporat bagi semua entiti ini, dan kakitangan yang berkaitan. Ia termasuk entiti dan anak syarikat UPM serta pekerja dan individu/Pihak Berkepentingan mereka yang telah memeterai perjanjian kerjasama/perkongasian, subgeran atau subpenerima.
Klien UPM	<ul style="list-style-type: none"> • Individu yang menerima bahan, kelengkapan, intervensi seperti latihan, peningkatan kesedaran, pementoran atau sokongan dan perkhidmatan peribadi lain daripada UPM.
Eksplotasi Seksual	<ul style="list-style-type: none"> • Apa-apa penderaan sebenar atau percubaan penderaan melalui penyalahgunaan kuasa, perbezaan kuasa atau kepercayaan untuk tujuan seksual, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mendapatkan manfaat kewangan, sosial atau politik daripada eksploitasi seksual terhadap orang lain.



**GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN PENDERAAAN SEKSUAL (PSEA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Istilah	
Penderaan Seksual	<ul style="list-style-type: none"> • Penderaan seksual bermaksud gangguan fizikal yang sebenar atau berupa ancaman yang bersifat seksual, sama ada melalui kekerasan atau dalam keadaan tidak berupaya atau secara paksaan.
Mangsa	<ul style="list-style-type: none"> • Klien UPM yang mendakwa telah menjadi mangsa eksploitasi dan penderaan seksual semasa penglibatannya dengan UPM. • Klien UPM yang telah mengalami eksploitasi dan penderaan seksual yang dilakukan terhadapnya atau percubaan untuk melakukan eksploitasi dan penderaan seksual terhadapnya. Mereka akan dianggap sebagai mangsa yang terselamat untuk tujuan penilaian keperluan dan keselamatan, dan juga untuk melihat daya tahan mereka yang terkesan.
Subjek aduan (SoC)	<ul style="list-style-type: none"> • Orang yang terhadapnya dakwaan, aduan atau kebimbangan telah dibangkitkan.
Kecurigaan salah laku	<ul style="list-style-type: none"> • Kebimbangan yang telah dibangkitkan melalui mana-mana saluran pelaporan. Kecurigaan ini akan dinilai pada awal panel persidangan kes/pembuatan keputusan.
Dakwaan salah laku	<ul style="list-style-type: none"> • Jika pada peringkat panel persidangan kes/pembuatan keputusan, terdapat keputusan untuk menyiasat kecurigaan salah laku, maka ia dianggap sebagai dakwaan salah laku.
Toleransi sifar	<ul style="list-style-type: none"> • Bermaksud setiap aduan akan diambil tindakan sepenuhnya dan apabila perlu, tindakan segera (termasuk menyiasat dan mengambil tindakan tatatertib, jika berkenaan) diambil. • Bermaksud UPM akan memastikan kakitangannya dipertanggungjawabkan terhadap piawaian yang sama dan mengenakan proses yang sama kepada mereka, seperti orang lain tanpa mengira kedudukan atau reputasi mereka dalam organisasi.
Tatakelakuan	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], • Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di UPM (Pelajar)



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1.3 SKOP PENGGUNAAN

Garis panduan ini terpakai kepada semua Pihak Berkepentingan UPM. Penggunaan istilah 'perlindungan eksploitasi dan penderaan seksual' (PSEA) dalam garis panduan ini merujuk kepada dewasa rentan dan kanak-kanak.

Semua urusan niaga/interaksi/perjanjian yang dibuat antara dan dalam kalangan Pihak Berkepentingan dianggap menjunjung Perlembagaan, Garis Panduan, Tatakelakuan dan Peraturan Universiti yang berkenaan.

Bagi memberikan penekanan terhadap komitmen UPM dalam memastikan persekitaran yang bebas daripada SEA, satu pernyataan tentang PSEA akan disediakan untuk semua Pihak Berkepentingan melalui komunikasi dalam talian dan luar talian kami.

1.4 PERNYATAAN GARIS PANDUAN

- (i) Kami komited sepenuhnya untuk melindungi dewasa rentan dan kanak-kanak daripada segala bentuk eksploitasi dan penderaan seksual.
- (ii) Kami mengambil berat tanggungjawab dan kewajipan kami untuk memastikan bahawa kami, sebagai sebuah organisasi, dan mana-mana orang yang mewakili kami tidak akan, walau dalam apa-apa cara sekalipun, membahayakan, mendera atau melakukan apa-apa tindakan eksploitasi yang lain, atau mendera mana-mana orang atau meletakkan mereka dalam risiko yang sama.
- (iii) Kami menggalakkan amalan, pendekatan, intervensi dan persekitaran yang selamat, yang menghormati, mengiktiraf dan bertindak balas terhadap keperluan perlindungan khusus serta menangani risiko perlindungan bagi jantina yang berbeza dan identiti lain.
- (iv) Kami tidak akan bertolak ansur terhadap ketaksamaan, diskriminasi atau pengecualian apabila berurusan dengan kes berkaitan dengan SEA.
- (v) Kami memberikan respons kepada orang yang mungkin memerlukan perlindungan dan/atau sokongan psikososial serta meletakkan kebajikan dan kepentingan mereka sebagai pertimbangan yang paling utama.



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

- (vi) Kami memastikan semua yang bekerja dan terlibat dengan UPM memahami dan diberikan sokongan dalam memenuhi peranan dan tanggungjawab melindungi.
- (vii) Kami mengambil tindakan positif dalam menyokong mangsa yang terselamat, meningkatkan keupayaan perlindungan, melaporkan, menyasat, menghalang sesiapa sahaja yang mungkin mendatangkan risiko kepada orang lain daripada terlibat dengan kami dan mengambil langkah tegas terhadap mana-mana Pihak Berkepentingan UPM yang melakukan tindakan keganasan terhadap orang lain.

***Nota:** Garis panduan ini dinamakan selaras dengan Perlindungan Eksploitasi dan Penderaan Seksual yang digunakan dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa yang disebut sebagai 'PSEA'. Garis panduan ini membentuk sebahagian daripada terma dan syarat penglibatan Pihak Berkepentingan UPM dan boleh diubah mengikut budi bicara UPM.*

1.5 PRINSIP TERAS DAN PERNYATAAN KOMITMEN UPM MENJADI ASAS BAGI GARIS PANDUAN INI.

1.5.1 Prinsip Teras

Untuk melindungi dewasa rentan dan kanak-kanak, dan memastikan integriti aktiviti teras UPM, 6 Prinsip Teras berikut mesti dipatuhi:

- (i) Eksploitasi dan penderaan seksual oleh Pihak Berkepentingan UPM merupakan tindakan salah laku yang melampau, justeru menjadi asas untuk penamatan penglibatan.
- (ii) Aktiviti seksual dengan kanak-kanak (individu di bawah umur 18 tahun) adalah dilarang tanpa mengira umur majoriti atau umur yang disetujui pada peringkat tempatan. Kefahaman yang salah tentang usia kanak-kanak bukan satu pembelaan.
- (iii) Pertukaran wang, pekerjaan, barangan atau perkhidmatan untuk seks, termasuk layanan seks atau bentuk tingkah laku lain yang memalukan, merendahkan atau mengeksploitasi oleh Pihak Berkepentingan UPM adalah



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

dilarang.

- (iv) Hubungan seksual antara Pihak Berkepentingan UPM dengan klien UPM yang melibatkan penyalahgunaan pangkat atau kedudukan adalah dilarang kerana hal demikian dibuat berdasarkan dinamik kuasa yang tidak sama rata. Hubungan sedemikian menjejaskan kredibiliti dan integriti urusan teras UPM.
- (v) Jika Pihak Berkepentingan UPM berasa bimbang atau curiga tentang penderaan atau eksploitasi seksual oleh Pihak Berkepentingan sekerja dalaman, dia mesti segera melaporkan kebimbangan tersebut melalui mekanisme pelaporan yang telah disediakan.
- (vi) Pihak Berkepentingan UPM bertanggungjawab mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang mencegah penderaan atau eksploitasi seksual dan menggalakkan pelaksanaan Garis Panduan ini. Pentadbir UPM pada semua peringkat bertanggungjawab untuk menyokong dan membangunkan sistem yang mengekalkan persekitaran ini.

1.5.2 Komitmen UPM

UPM berdedikasi untuk memenuhi komitmen berikut bagi mencegah dan mengambil tindakan terhadap eksploitasi dan penderaan seksual seperti yang dinyatakan dalam enam Prinsip Teras di atas.

- (i) Budaya Organisasi Selamat:

UPM akan berusaha sedaya upaya untuk mewujudkan dan mengekalkan budaya organisasi selamat bagi semua orang yang bekerja untuk dan dengan UPM, serta mereka yang berada dalam komuniti di tempat UPM beroperasi melalui usaha pencegahan dan tindakan yang mantap, menawarkan sokongan kepada mangsa yang terselamat, dan memastikan mereka yang terlibat dalam melakukan eksploitasi dan penderaan seksual dipertanggungjawabkan.

- (ii) Melaporkan SEA:

- (a) Memastikan UPM mempunyai pelbagai saluran untuk membolehkan



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Pihak Berkepentingan UPM dan orang lain melaporkan eksploitasi dan penderaan seksual dengan selamat. Saluran ini perlu dirangka melalui perundingan bersama dengan komuniti setempat dan kakitangan untuk memastikan saluran tersebut selamat dan mudah diakses.

- (b) Memastikan semua orang yang bekerja bagi pihak UPM dan mereka yang menerima perkhidmatan UPM mempunyai maklumat tentang cara mengakses saluran pelaporan yang selamat ini.
- (c) Menyediakan latihan dan maklumat kepada semua Pihak Berkepentingan UPM, terutamanya pusat kegiatan untuk menerima aduan, memastikan mereka memahami kewajipan dan cara untuk melaksanakan tugas mereka sekiranya menerima aduan. Penekanan khusus perlu diberikan terhadap kerahsiaan.

(iii) Tindakan terhadap Laporan SEA:

UPM akan mengambil tindakan secara profesional dan tepat pada masanya terhadap semua kebimbangan atau dakwaan eksploitasi atau penderaan seksual. Semua kebimbangan atau dakwaan akan sentiasa dipandang serius, disiasat dan diambil tindakan apabila sesuai, selaras dengan prinsip perlindungan UPM yang disenaraikan di bawah.

- (a) **Pengendalian kes secara tegas dan bertanggungjawab:** Semua dakwaan SEA dan susulan berikutnya akan didokumentasikan dalam pangkalan data yang selamat dan sulit untuk memastikan kebertanggungjawaban.
- (b) **Siasatan:** UPM akan menjalankan siasatan secara bebas, selamat dan berhati-hati melalui penyiasat terlatih yang bekerja dengan pusat kegiatan PSEA, mengiktiraf hak dan kewajipan penjagaan kepada semua orang yang terlibat, termasuk pengadu dan/atau mangsa yang terselamat, saksi dan subjek aduan (SoC).
- (c) **Pembuatan keputusan secara bertanggungjawab:** UPM akan mengambil tindakan segera dan sewajarnya terhadap Pihak Berkepentingan UPM yang didapati telah melakukan kesalahan SEA. Hal ini termasuk tindakan pentadbiran atau tatatertib, dan/atau rujukan kepada



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

pihak berkuasa tempatan yang berkaitan jika sesuai dan selamat untuk berbuat demikian. Satu panel persidangan perwakilan jantina/pembuatan keputusan yang bebas akan ditugaskan dalam setiap siasatan untuk memastikan kesaksamaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban.

(iv) **Sokongan untuk Mangsa yang Terselamat:** Mangsa SEA yang terselamat berhak mendapat perkhidmatan sokongan khusus. UPM komited untuk merujuk mangsa yang terselamat kepada perkhidmatan sokongan yang kompeten apabila sesuai dan tersedia mengikut kehendak dan keperluan mangsa yang terselamat. Sokongan mungkin termasuk sokongan psikososial seperti kaunseling dan bantuan perubatan. Bantuan akan disediakan tanpa mengira sama ada tindakan rasmi dalaman dilaksanakan (seperti siasatan dalaman).

(v) **Menerapkan PSEA dalam Tugas UPM**

(a) **Pengambilan Pegawai secara Selamat:** Dalam mematuhi undang-undang yang terpakai, UPM komited untuk menghalang pelaku SEA daripada dilantik semula atau ditempatkan semula. UPM akan memastikan proses saringan pengambilan yang mantap untuk semua kakitangan, termasuk Pihak Berkepentingan UPM. Sebagai sebahagian daripada proses ini, semua borang permohonan, temu duga dan rujukan mesti mengambil kira keperluan perlindungan dan kesaksamaan serta sikap.

(b) **Perjanjian Kerjasama/Perkongsi:** UPM akan memastikan bahawa, apabila terlibat dalam kerjasama/perkongsi, perjanjian subgeran atau subpenerima atau bentuk pengaturan rasmi yang lain, perjanjian ini memasukkan klausa tentang PSEA (Lampiran 1.1: Klausa PSEA dalam kontrak).

(c) **Latihan dan Kesedaran:** Pihak Berkepentingan UPM mesti menerima latihan induksi/orientasi/taklimat tentang PSEA dan Perlindungan apabila mereka menyertai UPM, termasuk taklimat tentang dasar dan nilai UPM, Tatakelakuan, maklumat tentang cara melaporkan kebimbangan dan nasihat berhubung dengan tempat untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang perlindungan dan amalan lebih selamat di seluruh organisasi.



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Sesiapa yang bekerja secara langsung dengan benefisiari bagi pihak UPM mesti menerima maklumat tentang PSEA melalui kempen kesedaran/ulang kaji.

(d) Kebertanggungjawaban Benefisiari: UPM komited untuk menggalakkan kebertanggungjawaban terhadap benefisiari dan komuniti di tempat kami bekerja dengan:

- bersikap telus tentang program, aktiviti dan perkhidmatan UPM yang disediakan untuk benefisiari; dan
- meningkatkan kesedaran tentang PSEA UPM

(e) Program yang Selamat: Pihak Berkepentingan UPM dikehendaki mengambil langkah untuk mengelakkan kemudaratan yang tidak disengajakan kepada orang awam, menyumbang kepada pengurangan ancaman sedia ada yang berkaitan dengan PSEA. Langkah ini termasuk menerapkan amalan baik dan langkah pencegahan SEA termasuk mekanisme penilaian, aduan dan maklum balas serta pemantauan dan penilaian dalam seluruh urusan operasi.

1.6 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Semua Pihak Berkepentingan UPM: Setiap orang yang bekerja bagi pihak UPM berkongsi kewajipan untuk mencegah dan bertindak terhadap PSEA. Menjadi tanggungjawab semua Pihak Berkepentingan UPM untuk menjunjung Prinsip dan Komitmen Teras garis panduan ini seperti yang diterapkan dalam Dasar Universiti Putra Malaysia (Toleransi Sifar Terhadap Gangguan Seksual).

1.6.1 Pengarah dan Pemegang Amanah: Lembaga Pengarah UPM bertanggungjawab secara keseluruhan terhadap garis panduan ini dan pelaksanaannya.

1.6.2 Pengurusan Tertinggi Universiti, Jawatankuasa Pengurusan: Mesti memastikan semua Pihak Berkepentingan UPM memahami dan mematuhi garis panduan ini:



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

(i) Naib Canselor

Bertanggungjawab melaksanakan dan menguruskan garis panduan dan memastikan pematuhan dalam kalangan pengurusan tertinggi universiti.

(ii) Pendaftar

Bertanggungjawab memberikan sokongan untuk mencegah dan mengambil tindakan terhadap SEA di samping peranan hakiki mereka. Meningkatkan kesedaran dan menggalakkan amalan terbaik dengan menerima aduan, menyokong mangsa yang terselamat dan melaporkan aduan secara rahsia.

Bertanggungjawab terhadap pengambilan pekerja yang mantap, latihan induksi, dan pengurusan prestasi untuk mencegah SEA. Pendaftar juga bertanggungjawab menggalakkan kesedaran tentang garis panduan ini dan menyokong/membangunkan sistem yang mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat. Hal ini juga termasuk tanggungjawab untuk memastikan semua Pihak Berkepentingan UPM menerima latihan PSEA secara tetap dengan penekanan khusus kepada kakitangan yang berhubung secara langsung dengan orang yang menerima perkhidmatan mereka.

(iii) Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai ini bertanggungjawab melaksanakan dan menguruskan garis panduan dan memastikan pematuhan dalam kalangan semua Pihak Berkepentingan.

Bertanggungjawab memberikan sokongan untuk mencegah dan mengambil tindakan terhadap SEA di samping peranan hakiki mereka. Meningkatkan kesedaran dan menggalakkan amalan terbaik dengan menerima aduan, menyokong orang yang terselamat dan melaporkan aduan secara rahsia.

(iv) Jawatankuasa Anti Rasuah dan Integriti (JARI):

Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau dan menilai hasil proses garis panduan.



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

- (v) **Pusat Tanggungjawab: Ketua Pusat Tanggungjawab** bertanggungjawab melaksanakan dan menguruskan garis panduan dan memastikan pematuhan dalam kalangan semua pihak berkepentingan.

1.7 MENGEMUKAKAN ADUAN ATAU KEBIMBANGAN

Pihak Berkepentingan UPM bertanggungjawab melaporkan apa-apa kecurigaan atau kebimbangan tentang SEA. Mana-mana individu boleh mengemukakan kebimbangan/aduan kepada UPM tentang kejadian yang mereka alami, saksikan atau dengar tentang Pihak Berkepentingan UPM tanpa rasa takut akan dikenakan hukuman. Pihak Berkepentingan UPM tidak boleh menyiasat sendiri dakwaan atau kecurigaan tersebut.

UPM mengekalkan Dasar Toleransi Sifar bagi tindakan balas terhadap sesiapa sahaja kerana melaporkan eksploitasi atau penderaan seksual, membantu membuat aduan atau mengambil bahagian dalam siasatan. Mana-mana orang yang membuat aduan dengan niat baik tentang eksploitasi atau penderaan seksual, membantu, memberikan keterangan atau mengambil bahagian dalam apa-apa siasatan atau prosiding atau secara munasabah menentang kelakuan sedemikian di tempat kerja, tidak akan terjejas dari segi terma dan syarat pekerjaannya dan tidak akan didiskriminasi atau diberhentikan kerana terlibat dalam aktiviti tersebut. Aduan atau tindakan balas akan segera disiasat. Jika tindakan balas dibuktikan, tindakan tatatertib yang sesuai, termasuk kemungkinan pemecatan, akan diambil.

1.8 DASAR YANG BERKAITAN

Garis panduan ini ialah pelengkap bagi set piawai tingkah laku yang perlu dipatuhi oleh semua Pihak Berkepentingan UPM dalam Tatakelakuan UPM dan apa-apa kod atau dasar berkaitan yang telah ditentukan oleh UPM.

2. SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI DAN SUMBER MANUSIA

PENDAHULUAN

Pengurus dan Bahagian Sumber Manusia akan memastikan proses penapisan yang mantap dalam pengambilan semua kakitangan, termasuk pekerja, sukarelawan, perunding dan wakil lain. Oleh itu, sistem pengurusan UPM dan Bahagian Sumber Manusia bertanggungjawab ke atas toleransi sifar terhadap SEA melalui tugas berikut.

2.1 SISTEM PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

(i) Peringkat Pengumuman dan Permohonan Kerja

- Proses pengambilan Sumber Manusia UPM hendaklah termasuk perakuan oleh pemohon yang menyatakan dia bebas daripada apa-apa salah laku di sisi undang-undang dan penamatan pekerjaan terdahulu, dan persetujuan terhadap pendedahan apa-apa salah laku atau maklumat penamatan oleh bekas majikan sebelum mereka boleh memohon jawatan di UPM. Klausula tambahan boleh digunakan untuk peranan yang memerlukan interaksi langsung dengan kumpulan rentan bagi melindungi risiko (status OKU) (Lampiran 2.1: Borang Permohonan Jawatan)

(ii) Peringkat Temu Duga

- Memasukkan SEA sebagai salah satu perkara yang akan dinilai di bawah 'Integriti' semasa penilaian (Lampiran 2.2: Borang Penilaian Temu Duga)

(iii) Semakan Rujukan

- Sahkan rujukan dan periksa salah laku sebelumnya (e-Vetting) mengikut undang-undang tempatan tentang pekerjaan, privasi dan perlindungan data. Pertimbangkan semakan rujukan lisan/pertuturan untuk jawatan bagi melengkapkan rujukan bertulis:
 - Bagaimanakah anda mengenali calon?
 - Adakah anda mempunyai apa-apa kecurigaan bahawa calon telah melanggar tatakelakuan organisasi anda, termasuk eksploitasi dan penderaan seksual di tempat kerja?
- Tawaran kerja akan dianggap terbatal jika terdapat apa-apa pengesahan

salah laku terdahulu atau gagal memberikan persetujuan terhadap pendedahan apa-apa salah laku, atau jika didapati terdapat salah laku terdahulu semasa proses pemeriksaan.

(iv) Proses Induksi

- Semua kakitangan yang baharu dilantik dikehendaki menandatangani Surat Akuan Sumpah Perkhidmatan Awam (Lampiran 2.3: Surat Akuan Sumpah Perkhidmatan Awam) apabila menyertai UPM. Borang ini mengisytiharkan kewajipan untuk mengikuti semua akta yang berkaitan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), dan semua dasar UPM.
- Semua sukarelawan dan kakitangan berkaitan yang baharu dilantik dikehendaki menandatangani Surat Persetujuan Penerimaan Lantikan (Lampiran 2.4: Surat Persetujuan Penerimaan Lantikan) apabila menyertai UPM.

(v) Pengurusan Prestasi

- Penyeliaan dan penilaian prestasi termasuk pematuhan tatakelakuan dan penyertaan dalam latihan (atau yang serupa) yang termasuk PSEA.
- Dalam kes tingkah laku tidak wajar yang disahkan, mengambil tindakan tatatertib yang tegas (contohnya pemecatan, penggantungan, celaan secara bertulis atau langkah pentadbiran/pembetulan lain) dan, apabila melibatkan kelakuan jenayah yang mungkin, melaporkan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang.
- Menyelenggara pangkalan data tentang langkah tatatertib ke atas kakitangan, termasuk pemecatan, untuk mengelakkan pelantikan semula mereka pada masa akan datang.

2.2 PERJANJIAN RAKAN USAHA SAMA / KERJASAMA / PERKHIDMATAN

UPM akan memastikan bahawa apabila terlibat dalam perjanjian usaha sama, kerjasama atau perkhidmatan, atau subgeran atau subpenerima, perjanjian tersebut akan memasukkan PSEA.

- (i) Garis panduan toleransi sifar terhadap SEA boleh diakses oleh rakan usaha sama/pembekal melalui pusat pejabat yang bertanggungjawab dan laman web



**GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

universiti. Menjadi tanggungjawab pihak berkepentingan untuk mengambil tindakan terhadap PSEA, dan sekiranya gagal berbuat demikian, kontrak/perjanjian tersebut boleh ditamatkan.

- (ii) Langkah PSEA dan kes SEA dalam organisasi rakan usaha sama, pembekal dan kontraktor akan dipantau.



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

3. LATIHAN KESEDARAN, PENCEGAHAN DAN TINDAKAN TENTANG PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAAN SEKSUAL (PSEA)

PENDAHULUAN

Pejabat Pendaftar bertanggungjawab menggalakkan kesedaran, pencegahan dan tindakan terhadap eksploitasi dan penderaan seksual dalam kalangan pihak berkepentingan dalaman Universiti Putra Malaysia (UPM). Secara khususnya, latihan ini bertujuan untuk:

- Mentakrifkan eksploitasi dan penderaan seksual.
- Mengenal pasti jenis eksploitasi dan penderaan seksual.
- Mengenal pasti perkara yang membentuk eksploitasi dan penderaan seksual.
- Mengenal pasti implikasi eksploitasi dan penderaan seksual.
- Mengiktiraf garis panduan (kebangsaan dan UPM) yang melarang eksploitasi dan penderaan seksual.
- Menyediakan maklumat tentang langkah dan saluran yang betul untuk melaporkan kes eksploitasi dan penderaan seksual.

3.1 STRATEGI

Di bawah inisiatif ini, terdapat beberapa strategi yang boleh dilaksanakan dengan mengiktiraf peranan UPM sebagai majikan dalam memberikan kesedaran tentang eksploitasi dan penderaan seksual kepada kakitangannya.

3.1.1 Kebertanggungjawaban

Kebertanggungjawaban organisasi ialah kunci kepada PSEA. Organisasi bertanggungjawab terhadap perkara berkaitan aduan, sokongan, siasatan dan kerahsiaan. Menjadi tanggungjawab UPM untuk mengenal pasti dan mengkaji semula garis panduan atau dasar semasa berhubung dengan eksploitasi dan penderaan seksual, sekiranya ada. Hal ini bagi memastikan ia selari dengan objektif keseluruhan UPM untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

3.1.2 Pencegahan

Menjadi peranan UPM untuk terus menyemai dan mengukuhkan budaya

pengecahan dan penghalang dalam organisasi. Ia bermula daripada pihak pengurusan universiti apabila usaha menggalakkan kesedaran dan Pencegahan terhadap eksploitasi dan penderaan seksual dilakukan secara aktif melalui tindakan yang terbuka dan berterusan yang secara konsisten mencerminkan nilai teras dan kepimpinan universiti.

3.2 PENDEKATAN

Latihan ini merangkumi:

3.2.1 Latihan Kesedaran, Pencegahan dan Tindakan tentang PSEA Mandatori.

Latihan Kesedaran, Pencegahan dan Tindakan tentang PSEA hendaklah **diwajibkan** kepada semua Pihak Berkepentingan dalaman UPM. Platform yang paling ideal untuk menganjurkan latihan ini kepada kakitangan baharu UPM adalah melalui Program Transformasi Minda (PTM) tahunan sebagai salah satu modul wajib. Ia merupakan cara terbaik untuk membolehkan kakitangan baharu mendapat pendedahan dan maklumat tentang eksploitasi dan penderaan seksual di tempat kerja.

Kursus Latihan Kesedaran PSEA juga akan disediakan untuk pihak berkepentingan dalaman UPM sedia ada sepanjang tahun. Kakitangan boleh mendapatkan lebih banyak maklumat dan pengetahuan tentang eksploitasi dan penderaan seksual serta pencegahan dan tindakan di tempat kerja melalui gabungan aktiviti kuliah, perbincangan kumpulan, seminar dan bengkel interaktif.

Modul latihan ini akan disediakan dengan kerjasama Jabatan Sumber Manusia UPM dan Pusat Pembangunan Akademik (*Centre for Academic Development* atau CADE) UPM, dan akan dilaksanakan setiap suku tahun. Jemputan e-mel secara terbuka kepada semua pihak berkepentingan dalaman UPM akan dibuat. Latihan ini akan dilaksanakan secara fizikal dan dalam talian apabila perlu. Topik yang dicadangkan untuk modul ini termasuk:

- (i) Piawaian Teras 1: Garis Panduan Eksploitasi dan Penderaan Seksual
- (ii) Piawaian Teras 2: Sistem Pengurusan Organisasi dan Sumber Manusia
- (iii) Piawaian Teras 3: Latihan Kesedaran, Pencegahan dan Tindakan

berhubung dengan Perlindungan Eksploitasi dan Penderaan Seksual (PSEA)

- (iv) Piawaian Teras 4: Pelaporan dan Kesedaran
- (v) Piawaian Teras 5: Bantuan dan Rujukan
- (vi) Piawaian Teras 6: Siasatan

3.2.2 Kempen Latihan/Latihan Ulang Kaji dalam Talian tentang Kesedaran, Pencegahan dan Tindakan berhubung dengan PSEA. Adakalanya, kakitangan UPM tidak memahami tingkah laku yang dianggap tidak wajar di tempat kerja. Oleh sebab itu, penting untuk memberikan latihan kesedaran tentang PSEA kepada mereka. Selain itu, penting untuk memastikan agar kakitangan UPM dapat mengikuti latihan eksploitasi dan penderaan seksual secara dalam talian supaya ia dapat diakses oleh semua orang. Idea latihan dalam talian tentang PSEA adalah untuk menjadikan latihan eksploitasi dan penderaan seksual lebih menarik dan memberikan hasil yang lebih berkesan. Oleh itu, latihan dalam talian tentang eksploitasi dan penderaan seksual memberikan beberapa kelebihan yang jelas, termasuk:

- (i) Keupayaan untuk menyeragamkan latihan.
- (ii) Menyediakan fleksibiliti dan kawalan dari segi tempat dan masa latihan.
- (iii) Menghapuskan apa-apa sikap berat sebelah yang mungkin berlaku berhubung dengan orang yang mengendalikan sesi latihan.
- (iv) Menyediakan sistem pengurusan pembelajaran (*Learning Management System* atau LMS) untuk memberikan idea utama bagi latihan.

3.2.3 Kumpulan Sasaran untuk Latihan PSEA

- (i) Kakitangan akademik dan kakitangan bukan akademik yang baharu dan sedia ada
 - Kumpulan Pengurusan Tertinggi
 - Pensyarah
 - Kakitangan Perubatan
 - Kakitangan Pentadbiran
- (ii) Pelajar UPM baharu dan sedia ada
 - Siswazah



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

- Lepas an Ijazah

3.2.4 Penyelidikan dan Kaji Selidik SEA

Kaji selidik berhubung dengan isu SEA akan dilaksanakan oleh pihak berkepentingan UPM. Ia boleh dilaksanakan semasa latihan dan sepanjang tahun. Data akan dikumpulkan untuk tujuan penambahbaikan terhadap usaha mengadakan latihan dan komunikasi. Selain mengukur tahap pemahaman, kaji selidik ini akan mengenal pasti pengetahuan yang diperoleh, sikap terhadap isu dan pengalaman.

4. PELAPORAN DAN KESEDARAN

PENDAHULUAN

Bahagian ini menghuraikan tentang mekanisme pelaporan bagi kakitangan dan benefisiari untuk melaporkan dakwaan SEA dan saluran pelaporan, termasuk pembangunan dan penyebaran peningkatan kesedaran serta poster mekanisme pelaporan yang boleh diakses oleh pihak berkepentingan.

4.1 Pendekatan Garis Panduan

Garis panduan ini memperincikan cara Universiti Putra Malaysia memenuhi kewajibannya dan terpakai kepada semua Pihak Berkepentingan UPM tanpa mengira lokasi mereka. Garis Panduan ini disediakan berpandukan prinsip rangka kerja berikut.

4.1.1 Toleransi Sifar

Universiti Putra Malaysia mengamalkan toleransi sifar terhadap apa-apa bentuk eksploitasi dan penderaan seksual.

4.1.2 Perlindungan

Universiti Putra Malaysia komited terhadap semua Pihak Berkepentingan UPM seperti yang digariskan dalam takrif sebagai mempunyai hak untuk mendapatkan perlindungan dan perlindungan daripada eksploitasi dan penderaan seksual tanpa mengira keupayaan, etnik, kepercayaan, jantina, seksualiti dan budaya. Prinsip utama dalam hal ini ialah semua proses akan dimulakan oleh mangsa. UPM komited terhadap mangsa yang memulakan proses aduan apabila boleh dan sesuai untuk berbuat demikian.

4.1.3 Tanggungjawab Bersama

Bagi memastikan keberkesanan garis panduan dan amalan ini dalam mengurangkan risiko kepada benefisiari dan komuniti, semua Pihak Berkepentingan UPM perlu berkongsi tanggungjawab untuk pelaksanaan dan penambahbaikan. Oleh itu, kegagalan pada satu peringkat organisasi merupakan kegagalan pada semua peringkat organisasi.

4.1.4 Komunikasi Berkesan

Universiti Putra Malaysia berkomunikasi secara berkesan dengan semua Pihak Berkepentingan UPM dalam bahasa yang mudah dan boleh difahami untuk mewujudkan budaya yang positif dan mudah diakses dan bertanggungjawab untuk PSEA adalah jelas.

4.1.5 Kerahsiaan dan Ketanpanamaan

Aduan boleh dibuat tanpa menyatakan nama. Segala usaha akan dilakukan untuk mengekalkan kerahsiaan sepanjang proses aduan. Maklumat yang mengenal pasti individu yang terlibat dalam aduan akan dihadkan kepada kakitangan penting dan tidak akan dikongsi lebih lanjut tanpa mendapat persetujuan daripada mereka yang terlibat, kecuali sekiranya nyawa seseorang berada dalam bahaya, kanak-kanak berada dalam bahaya, atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang melalui rundingan dengan penasihat undang-undang dan jika selamat untuk berbuat demikian. Maklumat yang tidak dikenal pasti akan dikongsi mengikut keperluan pelaporan. Pihak Berkepentingan UPM yang terlibat dalam proses aduan akan dimaklumkan tentang kepentingan mengekalkan kerahsiaan dan boleh diminta untuk menandatangani perjanjian kerahsiaan. Kakitangan yang melanggar kerahsiaan boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan, dan orang lain yang bekerja dengan UPM boleh ditamatkan hubungan mereka dengan UPM. Dalam sesetengah kes, pelanggaran sedemikian boleh membentuk pelanggaran undang-undang.

4.1.6 Ketelusan

Universiti Putra Malaysia menerbitkan maklumat tahunan tentang tindakan tatatertib yang diambil terhadap kakitangannya, termasuk dalam kes gangguan, eksploitasi dan penderaan seksual.

Universiti Putra Malaysia juga menyediakan laporan masa sebenar tentang dakwaan eksploitasi dan penderaan seksual kepada Jawatankuasa Penyiasat. Di samping itu, data yang disatukan tentang dakwaan dan kes eksploitasi serta penderaan seksual yang dibuktikan akan disiarkan dalam Info UPM.

4.2 Cara membuat laporan

4.2.1 Menetapkan pusat kegiatan PSEA

Objektif utama pusat kegiatan PSEA adalah untuk membantu pengurusan kanan mencegah dan bertindak secara aktif terhadap eksploitasi dan penderaan seksual dengan mengukuhkan pelaksanaan garis panduan PSEA dan menyokong pembangunan dan penyampaian pelan tindakan PSEA.

Peranan pusat kegiatan PSEA boleh merangkumi:

- (i) Pemantauan dan pengawasan pelan tindakan PSEA
- (ii) Melaksanakan kerja melalui penyelarasan dengan rangkaian PSEA/pihak lain
- (iii) Menerajui pembangunan/kajian semula garis panduan PSEA secara bersama
- (iv) Mengadakan taklimat Tatakelakuan dengan penekanan kepada PSEA
- (v) Menjadi pusat kegiatan dalaman (bukan penyiasat atau pengendali kes) untuk aduan dan kebimbangan berkaitan SEA
- (vi) Menyumbang untuk membangunkan dan mengemaskinikan panduan tentang rujukan bagi perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan lain yang mungkin diperlukan oleh mangsa SEA, dengan kerjasama pakar perundangan dan pakar keganasan berasaskan jantina
- (vii) Membantu memastikan PSEA dimasukkan dalam setiap pelan, aktiviti program dan perjanjian kerjasama penyumbang
- (viii) Berfungsi sebagai penghubung antara organisasi dengan penyumbang berhubung dengan isu PSEA
- (ix) Skop tanggungjawab adalah berbeza bergantung kepada peranan dan sama ada ia memberikan tumpuan kepada pengukuhan PSEA dalam program, perkhidmatan, organisasi atau kumpulan organisasi.



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

4.2.2 Maklumat Hubungan Pusat Kegiatan

Pihak Berkepentingan	Maklumat Hubungan Pusat Kegiatan
Kakitangan UPM & Pihak Berkepentingan Luar UPM	Seksyen Integriti, Pejabat Pendaftar
Pelajar UPM	Seksyen Pengurusan Kebajikan Bahagian Hal Ehwal Pelajar

4.2.3 Mekanisme Pelaporan yang Selamat dan Dipercayai

Menyedari bahawa prosedur pelaporan dalam kes SEA sangat berbeza, Universiti Putra Malaysia akan mewujudkan persekitaran yang mana, dalam kedua-dua situasi, individu, komuniti, Pihak Berkepentingan UPM berasa selamat untuk melaporkan pelanggaran dan dengan kepercayaan bahawa tindakan segera dan tegas akan diambil terhadap pelaku.

Dalam kes SEA, mekanisme aduan perlulah selamat, peka jantina dan sesuai dengan konteks. Mekanisme ini akan dibangunkan melalui rundingan bersama komuniti yang terjejas, terutamanya yang paling rentan, dan dihubungkan dengan perkhidmatan untuk mangsa. Penilaian risiko SEA dan penilaian keperluan mengikut konteks akan memaklumkan pembangunan saluran aduan baharu dan mengukuhkan saluran sedia ada.

Laporan SEA sebenar atau yang disyaki daripada atau terhadap Pihak Berkepentingan UPM hendaklah dihantar kepada Unit Integriti melalui mana-mana pusat kegiatan berikut dengan syarat apa-apa perubahan berhubung dengan maklumat hubungan hendaklah disampaikan dan disebarkan dengan sewajarnya:

E-mel: kb_bgi@upm.edu.my

Alamat surat-menyurat: Seksyen Integriti, Pejabat Pendaftar, UPM

Serdang, Selangor


No. Telefon: 03-9769 2011/2017



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Mangsa juga boleh melaporkan secara terus kepada unit yang bertanggungjawab dengan mengunjungi pejabat yang dinyatakan di atas. Jika disetujui dan diminta oleh mangsa, rujukan dan persetujuan untuk pelepasan maklumat akan ditandatangani. (Lampiran 4.1: Borang Aduan Eksploitasi dan Penderaan Seksual)

4.3 CARTA ALIR

Tanggungjawab	Carta alir	Perincian
<p>Pengadu</p> <p>Pejabat Pendaftar</p> <p>Pejabat Pendaftar</p> <p>Pejabat Pendaftar</p>	 <pre> graph TD MULA([MULA]) --> 1.0[1.0 Terima Laporan/Aduan] 1.0 --> 2.0[2.0 Meneliti Laporan/Aduan] 2.0 --> 3.0{3.0 Kes Sahih} 3.0 --> 4.0[4.0 Tidak Sahih] 3.0 --> 5.0[5.0 Daftar aduan ke dalam sistem pengkalan data] 4.0 --> TAMAT([TAMAT]) 5.0 --> TAMAT </pre>	<p>1.0 Menerima laporan/aduan serta bukti dokumen sokongan yang berkaitan daripada pengadu melalui Borang Aduan Salah Laku Gangguan Seksual.</p> <p>2.0 Meneliti laporan/aduan yang diterima dan memastikan kes adalah dibawah kategori <i>Sexual Exploitation and Abuse (SEA)</i> yang melibatkan pihak berikut: i. Publik dalaman ii. Pelajar UPM iii. <i>Collaborators (others, vendor, entity, subsidiaries)</i></p> <p>3.0 Menentukan laporan/aduan yang diterima adalah sah serta memenuhikategori yang dinyatakan di Langkah 2.0</p> <p>4.0 Jika YA, proses ke langkah seterusnya. Jika TIDAK, proses tamat.</p> <p>5.0 Merekod dan mendaftarkan laporan/aduan yang diterima ke dalam Sistem Pangkalan Data Aduan Salah Laku Gangguan Seksual untuk dibawa ke Jawatankuasa Aduan Salah Laku Gangguan Seksual UPM</p>

4.4 Meningkatkan Kesedaran, Komunikasi dan Penyebaran Maklumat

Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menyediakan strategi komunikasi untuk menyokong penyebaran dan pelaksanaan garis panduan ini serta meningkatkan kesedaran merentasi UPM tentang isu SEA dan kesan yang mungkin, serta saluran pelaporan. Pelan ini termasuk:

1. Ketersediaan garis panduan ini di laman web UPM pada semua peringkat organisasi.
2. Bahan komunikasi seperti risalah, poster, suapan berita media sosial, buku kecil, video Pengumuman Perkhidmatan Awam (*Public Service Announcement* atau PSA) untuk memaklumkan kepada Pihak Berkepentingan UPM tentang garis panduan ini, termasuk langkah mewujudkan pusat kegiatan di semua pusat tanggungjawab (PTJ) dalam organisasi dan memperkenalkan Amaran PSEA khusus untuk bertindak terhadap insiden PSEA yang mungkin daripada pengadu.
3. Kempen komunikasi seperti jerayawara untuk memaklumkan kepada Pihak Berkepentingan UPM dan dalam program UPM, dan mekanisme penyampaian langsung yang diuruskan oleh, beroperasi atas nama, atau dibiayai oleh UPM.

4.5 Sorotan Kempen PSEA:

- (i) PSEA UPM
 - a) Sistem Pengurusan Organisasi dan Sumber Manusia
 - b) Latihan Kesedaran, Pencegahan dan Tindakan berhubung dengan Eksploitasi dan Penderaan Seksual (SEA)
 - c) Pelaporan dan Kesedaran
 - d) Bantuan dan Rujukan
 - e) Siasatan

5. BANTUAN DAN RUJUKAN

PENDAHULUAN

Universiti Putra Malaysia mempunyai sistem untuk memastikan mangsa SEA yang terselamat menerima bantuan profesional dengan kadar segera, dengan merujuk mereka kepada penyedia perkhidmatan yang berkaitan. Garis panduan ini menyediakan maklumat tentang laluan rujukan untuk mangsa SEA dengan cara yang mematuhi pendekatan berpusatkan mangsa.

5.1 GARIS PANDUAN UNTUK RUJUKAN

- 5.1.1 Semua tindakan yang diambil perlu dilakukan dengan menghormati pilihan, hasrat, hak dan maruah mangsa. Keselamatan mangsa menjadi keutamaan.
- 5.1.2 Sesiapa sahaja mempunyai hak untuk memilih kepada siapa mereka hendak menceritakan atau merahsiakan kisah mereka. Mengekalkan kerahsiaan bermaksud tidak berkongsi apa-apa maklumat dengan sesiapa. Mengekalkan prinsip tiada diskriminasi bermaksud memberikan layanan yang sama dan adil kepada sesiapa sahaja yang memerlukan sokongan. Berkongsi maklumat yang ada dan biarkan mangsa membuat keputusan jika dia mahu mengakses maklumat berkenaan, pada bila-bila masa.
- 5.1.3 Unit Integriti boleh merujuk sokongan dan bantuan PSEA, seperti berikut:

- (i) Bantuan perubatan

Sekiranya terdapat apa-apa tanda kecederaan, kesakitan, serangan seksual - segera rujuk klinik/pusat perubatan terdekat.

- (ii) Sokongan psikososial

Jika terdapat tanda trauma emosi dan psikologi atau perubahan



**GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

tingkah laku yang jelas selepas penderaan.

(iii) Polis

Jika mangsa hendak membuat laporan polis atau jika terdapat risiko keselamatan dan jaminan keselamatan kepada orang lain.

(iv) Perkhidmatan guaman

Jika mangsa ingin mendapatkan nasihat guaman.

(v) Senarai hubungan untuk rujukan bagi sokongan dan bantuan PSEA adalah seperti dalam 5.2.

5.2 SENARAI PENYEDIA PERKHIDMATAN TEMPATAN

PENYEDIA PERKHIDMATAN	MAKLUMAT HUBUNGAN
PENYEDIA PERKHIDMATAN DALAMAN	
Perkhidmatan Perubatan:	
Hospital Pengajar UPM	+603-9769 5500 +603-9769 8301 hpupm.contact@upm.edu.my
Pusat Kesihatan Universiti	+603-9769 7334 +603-9769 7332 (Kecemasan – 24 jam) pku@upm.edu.my
Perkhidmatan Kaunseling/Psikologi:	
Bahagian Kaunseling	+603-9769 2082 +603-0000 0000 kaunselor@upm.edu.my
Perkhidmatan keselamatan:	
Bahagian Keselamatan	+603-9769 7990 / +603-9769 7470 / +603-9769 1999 (24 jam) bku@upm.edu.my



**GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

PENYEDIA PERKHIDMATAN	MAKLUMAT HUBUNGAN
PEMBEKAL PERKHIDMATAN LUAR Sila ambil perhatian bahawa direktori ini tidak lengkap dan maklumat yang diberikan tepat pada masa penyusunan (Ogos 2021)	
Perkhidmatan Kebangsaan/Perkhidmatan Kecemasan:	
Polis Diraja Malaysia (PDRM)	Bukit Aman (rmp.gov.my) IPD Serdang +603-8074 2222
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Cawangan (PKMD/C) Talian Kasih Malaysia Talian Kecemasan Malaysia	https://www.jkm.gov.my/ Talian penting: 15999 WhatsApp: +6019 2615999 Talian penting: 999
Perkhidmatan perubatan:	
Pusat Krisis Sehenti (Hospital Besar KL)	Tel.: +603 2615 5320 Alamat: 23 Jalan Pahang, 50586 Kuala Lumpur
Perkhidmatan guaman:	
Pusat Bantuan Guaman Kuala Lumpur Untuk Pusat Bantuan Guaman di negeri lain: https://www.malaysianbar.org.my/article/find/bc-legal-aid-centres/legal-aid-centres/find-legal-aid-centres Telenita - Persatuan Tindakan Semua Wanita (AWAM)	Tel.: +603 2991 1121/ +603 2692 1122 Alamat: Union3.03, Aras 3 Wisma Badan Peguam Malaysia, No. 2 Leboh Pasar Besar 50050 Kuala Lumpur 016-237 4221 (Isnin-Sabtu, 10 pagi hingga 5 petang)
Perkhidmatan Talian Penting dan Perlindungan:	
Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) P.S. The Children (PSC) Tenaganita (memberikan tumpuan kepada pelarian dan pendatang yang mengalami pelanggaran hak asasi manusia) Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan	+603-3000 8858 (24 jam) Talian penting: 016 721 3065 SMS/WhatsApp: 016 721 3065 Talian penting: 012 335 0512/ 012 339 5350 (24 jam) general@tenaganita.net TINA +6018-988 8058 Telefon: +603 88810200, +603 88810600, +603 88810700 cprc@moh.gov.my



**GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

5.3 LALUAN RUJUKAN

Insiden SEA didedahkan/diterima
tindakan yang diperlukan akan dimulakan dengan serta-merta

Berikan maklumat yang jujur dan jelas tentang perkhidmatan yang ada. Jika disetujui dan diminta oleh orang yang terselamat, **dapatkan persetujuan termaklum** dan buat rujukan; iringi mangsa yang terselamat atau aturkan pengangkutan untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkenaan.

Langkah seterusnya:

Tindakan Serta-merta	
Rujuk kepada perkhidmatan yang berkaitan dengan persetujuan mangsa/penjaga ¹	
<p style="text-align: center;"><i>Titik masuk penjagaan kesihatan/perubatan:</i></p> <p style="text-align: center;">Pusat Perubatan yang terdekat</p> <p>Jika terdapat tanda kecederaan, laporan kesakitan, serangan seksual – segera rujuk kepada pusat penjagaan perubatan yang terdekat.</p> <p>Dalam kes kecemasan yang memerlukan ambulans, hubungi 999</p>	<p style="text-align: center;"><i>Titik masuk sokongan psikososial:</i></p> <p style="text-align: center;">Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)</p> <p>Talian Bantuan WAO: 03-79563488 TINA melalui Whatsapp/SMS di +6018 988 8058 (talian penting 24 jam).</p> <p>Sekiranya terdapat tanda trauma emosi dan psikologi, perubahan ketara dalam tingkah laku selepas penderaan</p>

<p>Jika mangsa yang terselamat mahu meneruskan tindakan polis/undang-undang - atau - sekiranya terdapat risiko keselamatan dan keamanan secara langsung kepada mangsa dan orang lain</p> <p>Rujuk dan iringi mangsa yang terselamat kepada polis - atau - kepada pegawai bantuan guaman/perlindungan untuk mendapatkan maklumat dan bantuan dengan rujukan kepada polis</p>	
<p style="text-align: center;"><i>Polis/Keselamatan</i></p> <p style="text-align: center;">Balai Polis Terdekat</p> <p>Sekiranya terdapat risiko keselamatan dan keamanan secara langsung kepada mangsa dan orang lain</p>	<p style="text-align: center;">Kaunselor Bantuan Guaman atau Pegawai Perlindungan</p> <p style="text-align: center;">Persatuan Tindakan Semua Wanita +603 7877 0224 atau +603 7877 4221.</p> <p style="text-align: center;">Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) 03-79563488</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Sekiranya berdepan dengan ancaman langsung terhadap keselamatan diri ● Bantuan guaman: sekiranya mangsa mahu

¹ Bagi mangsa kanak-kanak di bawah umur 18 tahun



**GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

mengambil tindakan undang-undang.

Tindakan susulan dan perkhidmatan lain selepas tindakan segera

Menyediakan **sokongan berterusan untuk rujukan** mengikut keperluan mangsa yang terselamat. Dari masa ke masa dan berdasarkan pilihan mangsa yang terselamat, perkhidmatan boleh termasuk mana-mana yang berikut:

- Perkhidmatan penjagaan kesihatan/perubatan
- Perkhidmatan kesihatan mental/psikososial
- Agensi perlindungan wanita dan kanak-kanak termasuk untuk keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal atau bantuan bahan lain
- Perkhidmatan bantuan guaman, termasuk kaunseling undang-undang, perwakilan undang-undang, dll.

5.4 PERATURAN/BORANG/GARIS PANDUAN/AKTA RUJUKAN

PENYEDIA PERKHIDMATAN DALAMAN	AKTA/GARIS PANDUAN/PERATURAN/BORANG
1) Pejabat Pendaftar	(i) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) Akta 605 (ii) Borang Aduan (iii) Etika Kerja Universiti Putra Malaysia
2) Seksyen Integriti	(i) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) Akta 605 (ii) Borang Aduan (iii) Etika Kerja Universiti Putra Malaysia
3) Hospital Pengajar UPM	(i) Borang Rujukan Kaunseling (ii) Borang Rujukan Bantuan Perubatan



**GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

PENYEDIA PERKHIDMATAN DALAMAN	AKTA/GARIS PANDUAN/PERATURAN/BORANG
4) Bahagian Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> (i) Arahan Kerja Siasatan Dalaman (UPM/OPR/BKU/AK04/SIASATAN) (ii) Laporan Kejadian (iii) Garis Panduan Merakam Percakapan (iv) Garis Panduan Pemeriksaan (v) Laporan Siasatan Awal (vi) Borang Pernyataan (vii) Diari Siasatan (viii) Laporan Barang Kes
5) Bahagian Kaunseling	<ul style="list-style-type: none"> (i) Garis Panduan Mengendalikan Klien Berisiko: Gangguan Seksual (ii) Prosedur Perkhidmatan Sesi Kaunseling Individu (UPM/OPR/HEPA/P002) (iii) Borang Kaunseling Kes Rujukan: (UPM/HEPA/BR01/BKUPM) (iv) Borang Penilaian Prestasi Klien Dirujuk (OPR/HEPA/BR04/BKUPM) (v) Log Status Kes rujukan (OPR/HEPA/BL01/BKUPM) (vi) Borang Laporan Sesi Kaunseling Individu (OPR/HEPA/BR02/BKUPM)
6) Pusat Kesihatan Universiti	<ul style="list-style-type: none"> (i) Buku Panduan Perkhidmatan Perubatan (ii) Sistem e-Klinik
7) Bahagian Hal Ehwal Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> (i) Panduan Pengurusan Tatatertib Pelajar Yang Dipertuduh Atas Kesalahan Boleh Daftar Di Mahkamah (ii) Panduan Pengurusan Tatatertib Pelajar (iii) Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di UPM



GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

6. SIASATAN

PENDAHULUAN

Universiti Putra Malaysia mempunyai proses untuk menyiasat dakwaan SEA. Garis panduan ini memperincikan proses untuk meneliti dakwaan SEA dan membuat keputusan tentang keperluan untuk menjalankan siasatan dan langkah seterusnya.

6.1 PUSAT KEGIATAN UNTUK SIASATAN

Pusat Kegiatan bertanggungjawab menubuhkan pasukan siasatan mengikut kesesuaian kes.


SIASATAN DALAMAN	MAKLUMAT HUBUNGAN
Pejabat Pendaftar	+603-9769 1527 +603-8947 2007 pendaftar@upm.edu.my
Seksyen Integriti	+603-9769 2017 +603-9769 2016 kb_bgi@upm.edu.my
Seksyen Pengurusan Kebajikan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar	+603-9769 6075 +603-9769 2091 bhep@upm.edu.my
SIASATAN LUAR	
Polis Diraja Malaysia (PDRM)	<u>Bukit Aman (rmp.gov.my)</u> IPK Selangor +603-5514 5001 IPD Serdang +603-8074 2222

6.2 GARIS PANDUAN UNTUK SIASATAN

- 6.2.1 Laporan diterima oleh Bahagian/Unit untuk tujuan siasatan.
- 6.2.2 Siasatan awal hendaklah dijalankan oleh Unit Integriti untuk mendapatkan fakta kes.

- 6.2.3 Penilaian tahap keesahan dan keseriusan kes dijalankan. Jika kes tidak sah, proses berakhir.
- 6.2.4 Kes yang sah dan serius akan dimaklumkan kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (sekiranya pelajar terlibat) atau Pendaftar (sekiranya kakitangan terlibat).
- 6.2.5 Pengadu dinasihatkan supaya membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya.
- 6.2.6 Kes boleh dibicarakan di mahkamah mengikut undang-undang.
- 6.2.7 Jika pelaku (kakitangan/pelajar UPM) didapati bersalah oleh mahkamah, kes akan dirujuk kepada Lembaga Tatatertib Universiti bagi kesalahan mencemarkan nama baik/imej universiti berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971/Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.
- 6.2.8 Jawatankuasa Siasatan Dalaman akan ditubuhkan untuk mendengar, mendapatkan keterangan lanjut daripada pengadu dan saksi berhubung dengan kejadian berkenaan. Keahlian jawatankuasa tertakluk kepada jenis kes. (Lampiran 6.1: Garis Panduan Jawatankuasa Siasatan Dalaman)
- 6.2.9 Jawatankuasa Siasatan Dalaman akan diberikan tempoh 30 hari untuk menyiasat dan akan mengemukakan laporan kepada Lembaga Tatatertib Universiti untuk tindakan selanjutnya. Sekiranya didapati kes itu tidak berasas, proses berakhir).
- 6.2.10 Sekiranya pelaku (kakitangan/pelajar UPM) didapati bersalah oleh Lembaga Tatatertib Universiti, tindakan tatatertib akan dikenakan.
- 6.2.11 Proses rayuan terhadap keputusan tindakan tatatertib hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan tersebut. Sebaik sahaja rayuan diputuskan, proses berakhir. Jika tiada rayuan, proses berakhir.

6.1 CARTA ALIR JAWATANKUASA SIASATAN





**GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN PENDERAAN SEKSUAL (PSEA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

6.2 PERATURAN/ GARIS PANDUAN/ AKTA

RUJUKAN DALAMAN	AKTA/ GARIS PANDUAN/ PERATURAN/ BORANG
Pejabat Pendaftar	(a) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], (b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (c) Garis Panduan Proses Tindakan Mahkamah
Seksyen Integriti	(a) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] (b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (c) Garis Panduan Proses Tindakan Mahkamah
Hospital Pengajar UPM	(a) Borang Rujukan Bantuan Perubatan (b) Sistem Maklumat Hospital
Bahagian Keselamatan	(a) Garis Panduan Mengendalikan Klien Berisiko: Gangguan Seksual (b) Arahan Kerja Siasatan Dalaman (UPM/OPR/BKU/AK04/SIASATAN)
Pusat Kesihatan Universiti	(a) Buku Panduan Perkhidmatan Perubatan (b) Sistem e-Klinik
Bahagian Hal Ehwal Pelajar	(a) Panduan Pengurusan Tatatertib Pelajar Yang Dipertuduh Atas Kesalahan Boleh Daftar Di Mahkamah (b) Panduan Pengurusan Tatatertib Pelajar



**GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN
EKSPLOITASI DAN PENDERAAAN SEKSUAL (PSEA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

SENARAI LAMPIRAN

NO	LAMPIRAN	DOKUMEN
1.	Lampiran 1.1	Klausa PSEA dalam kontrak
2.	Lampiran 2.1	Borang Permohonan Jawatan
3.	Lampiran 2.2	Surat Aku Janji
4.	Lampiran 2.3	Surat Persetujuan Penerimaan Lantikan
5.	Lampiran 4.1	Borang Aduan PEngendalian Kes Eksploitasi, Penderaan dan Gangguan Seksual
6.	Lampiran 6.1	Garis Panduan Jawatankuasa Siasatan Dalaman

PROPOSED CLAUSE ON SEXUAL HARASSMENT, EXPLOITATION AND ABUSE IN AGREEMENT ENTERED INTO BY UPM (IN ENGLISH)

<i>Number of Clause</i>	<i>Proposed clause heading (SEXUAL HARRASMENT AND EXPLOITATION)</i>
XXX.1	Each Party shall comply with UPM Policy on Zero Tolerance towards Sexual Harassment , and other applicable rules and regulations, policies, procedures, guidelines, and requirements as updated by UPM from time to time in the performance of each Parties' obligations in the Agreement.
XXX.2	Each Party shall ensure that all its employees, contractors, agents, principals, and other associated persons who provide services, supply goods and / or perform any matters in connection with this Agreement comply in all relevant part with the UPM Policy on Zero Tolerance towards Sexual Harassment , and other applicable rules, regulations, policies, procedures, guidelines and requirements as updated by UPM from time to time.
XXX.3	Each Party shall notify the other Party in writing, in the event that its employees, contractors, agents, principals and other associated persons have failed to comply with the obligations imposed upon in this Clause and provide any information reasonably requested by the non-defaulting Party relevant to the non-compliance with such obligations.
XXX.4	In the event that each Party and its employees, contractors, agents, principals, and other associated persons refuse, fail and / or is negligent in complying with the provisions as stated in this Clause, the non-defaulting Party may take any such action as deemed necessary.
XXX.5	The Parties agrees to comply with UPM Policy on Zero Tolerance towards harassment includes the guidelines on sexual exploitation and abuse and other applicable rules and regulations related to the policy and guidelines and will ensure the employee, contractor and agents to comply with the same policy and guidelines. Non-compliance of such policy and guidelines shall amount to a breach of this Agreement and UPM may terminate this Agreement at UPM's option.

**KLAUSA CADANGAN TINGKAH LAKU GANGGUAN DAN EKSPLOITASI SEKSUAL
DALAM PERJANJIAN-PERJANJIAN DIMASUKI OLEH UPM (DALAM BAHASA MELAYU)**

Nombor Klausu **Cadangan kepala klausu (GANGGUAN DAN EKSPLOITASI SEKSUAL)**

- XXX.1 Pihak-pihak hendaklah mematuhi **Dasar UPM** mengenai **Tolak Ansur Sifar Mengenai Perbuatan Gangguan Seksual**, dan peraturan, dasar, prosedur, garis panduan dan syarat keperluan lain yang terpakai sebagaimana yang dikemas kini oleh UPM dari semasa ke semasa dalam pelaksanaan kewajiban setiap Pihak dalam Perjanjian.
- XXX.2 Pihak-pihak hendaklah memastikan bahawa semua pekerjaanya, kontraktornya, ejennya, prinsipalnya dan orang-orang lainnya yang berkaitan yang menyediakan perkhidmatan, membekalkan barang dan / atau melaksanakan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Perjanjian ini mematuhi semua bahagian yang relevan dalam **Dasar UPM mengenai Tolak Ansur Sifar Mengenai Perbuatan Gangguan Seksual**, dan peraturan, polisi, prosedur, garis panduan dan syarat keperluan lain yang terpakai sebagaimana yang dikemas kini oleh UPM dari semasa ke semasa.
- XXX.3 Setiap Pihak harus memberitahu Pihak lain secara bertulis, sekiranya pekerjaanya, kontraktornya, ejennya, prinsipalnya dan orang-orang lainnya yang berkaitan telah gagal mematuhi kewajiban yang dikenakan dalam Klausu ini dan memberikan maklumat yang diminta secara wajar oleh Pihak yang tidak ingkar yang berkaitan dengan ketidakpatuhan terhadap kewajiban tersebut.
- XXX.4 Dalam hal setiap Pihak dan pekerjaanya, kontraktornya, ejennya, prinsipalnya dan orang-orang lainnya yang berkaitan menolak, gagal dan / atau lalai dalam mematuhi peruntukan-peruntukan sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausu ini, Pihak yang tidak ingkar boleh mengambil tindakan apa pun yang dianggap perlu.
- XXX.5 Pihak-Pihak bersetuju untuk mematuhi Dasar UPM mengenai Tolak Ansur Sifar Mengenai Perbuatan Gangguan Seksual termasuk garis panduan mengenai eksploitasi dan penderaan seksual serta peraturan dan undang-undang lain yang berkaitan dengan polisi dan garis panduan dan akan memastikan pekerja, kontraktor dan ejen mematuhi polisi dan garis panduan yang sama. Ketidakpatuhan terhadap polisi dan garis panduan tersebut adalah terjumlah kepada pelanggaran Perjanjian ini dan UPM boleh menamatkan Perjanjian ini atas pilihan UPM.

Nota: Perkataan-perkataan yang diserlah kuning perlu pengesahan terlebih dahulu oleh Pihak yang berkenaan

Borang Pemohonan Jawatan

Nama : [REDACTED]
 No. Kad Pengenalan : [REDACTED]
 Siri Iklan : JUN/2021
 Tarikh Permohonan : 24-JUN-21 13:00:33

Bil.	Nama Jawatan	Bidang Kepakaran
1.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR / N29	
2.	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) / W19	

MAKLUMAT PERIBADI

Kategori Pemohon CALON LUAR

▶ Maklumat Peribadi

Warganegara	MALAYSIA	Sijil Kerakyatan	
Jantina	PEREMPUAN	Tarikh Lahir	15/07/1994
Negeri Lahir	SELANGOR	No. Sijil Kelahiran	[REDACTED]
Bangsa	MELAYU	Agama	ISLAM
Etnik	MELAYU	Kumpulan Darah	O+
Taraf Perkahwinan	BUJANG		

Alamat Tetap

Alamat [REDACTED]

Alamat Surat Menyurat

Alamat [REDACTED]

No. Telefon Bimbit [REDACTED] No. Telefon Rumah [REDACTED]
 No. Telefon Pejabat [REDACTED]

▶ Maklumat Kecamatan

Kecamatan TIDAK
 Jenis Kecamatan No. JKM

▶ Lain-lain Maklumat

Pernah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam? YA
 Gaji yang dijangka (RM) 2000

MAKLUMAT LESEN MEMANDU

Bil.	No. Lesen Memandu	Yuran Pembaharuan (RM)	Jenis Lesen	Kelas	Tarikh Dikeluarkan	Tarikh Luput
1.			LESEN MEMANDU	D - MOTOKAR BTM TIDAK MELEBIHI 3000 KG	23/07/2020	15/07/2021
2.			LESEN MEMANDU	B2 - MOTOSIKAL TIDAK MELEBIHI 250 SP	23/07/2020	15/07/2021

MAKLUMAT PENDIDIKAN

Tahap Pendidikan Tertinggi : SARJANA MUDA

Bil.	Institusi Pengajian	Kelulusan Pengajian (seperti di dalam Sijil Dianugerahkan)	Pencapaian Akademik	Tahun/Tarikh Kurnia
1.	POLITEKNIK MUADZAM SHAH, PAHANG	DIPLOMA AKAUNTANSI	DIPLOMA	09/07/2015
	Kategori Negara	DALAM NEGARA	Negara	MALAYSIA
	Jenis Institut	POLITEKNIK		
	Institut Pengajian	POLITEKNIK MUADZAM SHAH, PAHANG		
	Kategori Pencapaian	DIPLOMA, STPM, SIJIL DAN SETARAF	Pencapaian Akademik	DIPLOMA
	Kelulusan Pengajian (seperti di dalam Sijil Dianugerahkan, cth : Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian))	DIPLOMA AKAUNTANSI	Spesifik Bidang	
	Bidang Utama		Jurusan Bidang Utama	
	Sub Bidang Utama		Sub Bidang Kedua	
	Tajuk Thesis		Tempoh Pengajian (Bulan)	
	Pengkelasan Ijazah		CGPA	3.45
	Tarikh Kurnia	09/07/2015	Pangkat	
2.	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, SERDANG, SELANGOR	BACELOR PERAKAUNAN	SARJANA MUDA	19/11/2019

Bil.	Institusi Pengajian	Kelulusan Pengajian (seperti di dalam Sijil Dianugerahkan)	Pencapaian Akademik	Tahun/Tarikh Kurnia
Kategori Negara	DALAM NEGARA	Negara	MALAYSIA	
Jenis Institut	UNIVERSITI			
Institut Pengajian	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, SERDANG, SELANGOR			
Kategori Pencapaian	PHD, SARJANA, SARJANA MUDA DAN SETARAF	Pencapaian Akademik	SARJANA MUDA	
Kelulusan Pengajian (seperti di dalam Sijil Dianugerahkan, cth : Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian))	BACELOR PERAKAUNAN	Spesifik Bidang	ACCOUNTING AND BUSINESS	
Bidang Utama	SASTERA & SAINS SOSIAL	Jurusan Bidang Utama	PERAKAUNAN	
Sub Bidang Utama		Sub Bidang Kedua		
Tajuk Thesis	AWARENESS, KNOWLEDGE AND LEVEL OF INCOME TOWARDS ACCEPTANCE ON EDUCATION TAKAFUL.	Tempoh Pengajian (Bulan)	48 BULAN	
Pengelasan Ijazah	KEPUJIAN KELAS KEDUA RENDAH/BAWAH	CGPA	2.89	
Tarikh Kurnia	19/11/2019	Pangkat		

MAKLUMAT PENGALAMAN KERJA

Bil.	Maklumat Pengalaman Kerja			
1.	Nama Majikan	MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA	Jawatan	PENOLONG PEGAWAI EKSEKUTIF (KEWANGAN)
	Tarikh Mula	05/10/2020	Tarikh Akhir	24/06/2021
	Alamat Majikan	KOMPLEKS SUKAN NEGARA, BUKIT JALIL 57000 SRI PETALING, KUALA LUMPUR	Keterangan Kerja	-MEMBANTU MENGURUS WARAN PERUNTUKAN DAN PINDAHAN PERUNTUKAN MAJLIS. -MENYEDIAKAN LAPORAN PERBELANJAAN SETIAP SUKU TAHUN KEPADA KEMENTERIAN BELIA & SUKAN. -MENGURUS PEMBAYARAN BAGI PERSTUAN SUKAN
	Tarikh Sah		Gred Jawatan	29
	Gaji (RM)	2200.00	Elaun (RM)	0.00
	Sektor Pekerjaan	BADAN BERKANUN	No. Rujukan JPA	
	Taraf Kerja	KONTRAK	Negara Berkhidmat	MALAYSIA
	Klasifikasi Perkhidmatan	KEWANGAN	Sebab Berhenti	MASIH ATAU SEDANG BERKHIDMAT
2.				

Bil.	Maklumat Pengalaman Kerja			
	Nama Majikan	HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	Jawatan	PEKERJA SAMBILAN HARIAN
	Tarikh Mula	11/08/2020	Tarikh Akhir	02/10/2020
	Alamat Majikan	HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA 43400 UPM SERDANG, SELANGOR	Keterangan Kerja	-MEMBANTU MENGEMASKINI REKOD FAIL PERUBATAN PESAKIT. -MEMBANTU MENYELENGGARA BIL PESAKIT KE DALAM SISTEM. -MEMBANTU MELAKSANAKAN KERJA-KERJA PENTADBIRAN PEJABAT.
	Tarikh Sah		Gred Jawatan	N19
	Gaji (RM)	960.00	Elaun (RM)	0.00
	Sektor Pekerjaan	BADAN BERKANUN	No. Rujukan JPA	
	Taraf Kerja	KONTRAK	Negara Berkhidmat	MALAYSIA
	Klasifikasi Perkhidmatan	PENTADBIRAN	Sebab Berhenti	PELEPASAN DENGAN IZIN DAN LETAK JAWATAN (TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN)

MAKLUMAT SIJIL LAIN-LAIN / KHAS / PROFESIONAL

Bil.	Maklumat Sijil Lain-lain / Khas / Profesional
	Tiada Rekod.

MAKLUMAT KEGIATAN LUAR

Bil.	Kategori	Keterangan	P peringkat
1.	SUKAN	BOLA TAMPAR	SEKOLAH/INSTITUT/UNIVERSITI
2.	PERSATUAN	KELAB KELANASISWA	SEKOLAH/INSTITUT/UNIVERSITI

MAKLUMAT KEMAHIRAN BAHASA

Bil.	Bahasa	Tahap Kemahiran Membaca	Tahap Kemahiran Menulis	Tahap Kemahiran Betutur	Status Sijil
1.	BAHASA INGGERIS	BAIK	SEDERHANA	SEDERHANA	YA.
2.	BAHASA MELAYU	MAHIR	MAHIR	MAHIR	YA.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Keterangan Kerja SAYA MEMPUNYAI PENGALAMAN DALAM PENGGUNAAN SISTEM KEWANGAN SAGA (CENTURY) KERANA SAYA SEDANG BERKHIDMAT DALAM BAHAGIAN KEWANGAN SERTA SAYA MEMPUNYAI PENGETAHUAN DALAM PENGGUNAAN APPLIKASI MICROSOFT OFFICE WORD, EXCEL DAN POWER POINT.

MAKLUMAT PENGADIL

Nota :

2 pengadil diperlukan. Pengadil hendaklah terdiri daripada individu yang mengenali tuan dan kebolehpercayaan maklumat yang diberi serta bukan ahli keluarga sekiranya pihak UPM ingin membuat sebarang semakan maklumat mengenai diri tuan

Bil.	Nama	Alamat	No. Telefon Bimbit	Pekerjaan	Emel
1.				PENSYARAH	
2.				PENSYARAH	

PENGAKUAN PEMOHON

1. Saya tidak pernah disabitkan kesalahan atas tuduhan jenayah atau dihukum oleh mana-mana mahkamah. TIDAK PERNAH
2. Saya bukan seorang penagih dadah. TIDAK PERNAH
3. Saya tidak pernah dibuang kerja oleh Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan. TIDAK PERNAH
4. Saya juga mengaku maklumat-maklumat yang dinyatakan adalah benar dan sekiranya maklumat itu didapati palsu, permohonan saya akan terbatal dan jika saya telah ditawarkan, perkhidmatan saya akan ditamatkan serta-merta. BENAR

PROSES PERMOHONAN

Saya mengaku telah membaca dan memahami akta di bawah :

Di bawah Seksyen 5, Akta Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957 (Somakan 1989), seseorang pemohon yang memberi maklumat palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya berkaitan sesuatu permohonan untuk mendapatkan pekerjaan atau polantikan adalah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh dihukum penjara selama tempoh dua (2) tahun atau denda dua ribu Ringgit Malaysia (RM2,000) atau kedua-duanya sekali.

Rujukan :



SURAT AKU JANJI

Saya,

No. Kad Pengenalan

Beralamat di

dengan sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) dan apa-apa arahan yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Universiti Putra Malaysia dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatan saya dengan Universiti Putra Malaysia ; Maka dengan itu saya berjanji, sebagaimana yang dikehendaki di bawah peraturan 3, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun yang terkandung dalam jadual Kedua kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), bahawa saya antara lain :-

- (i) akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara, Kerajaan dan Universiti Putra Malaysia ;
- (ii) akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab ;
- (iii) tidak akan membelakangkan kewajipan saya kepada Universiti Putra Malaysia demi kepentingan peribadi saya ;
- (iv) tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kewajipan saya kepada Universiti Putra Malaysia ;

- (v) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan kewajipan kepada Universiti Putra Malaysia sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai seorang pegawai Universiti Putra Malaysia ;
- (vi) tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai Universiti Putra Malaysia bagi faedah diri saya sendiri ;
- (vii) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama Universiti Putra Malaysia ;
- (viii) tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau pegawai lain berhubung dengan atau terhadap Universiti Putra Malaysia ; dan
- (ix) tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

..... Tarikh :

Tandatangan

.....

Jawatan

Di hadapan saya,

.....

Ketua Jabatan

 UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	<p align="center">SOKONGAN SUPPORT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT</p> <p align="center">PEJABAT PENDAFTAR REGISTRAR OFFICE Kod Dokumen Document Code : SOK/BUM/BR03/PENERIMAAN LANTIKAN</p>
	<p align="center">BORANG PENERIMAAN LANTIKAN ACCEPTANCE OF APPOINTMENT FORM</p>
<p>Tarikh Date:.....</p> <p>Pendaftar/Registrar Universiti Putra Malaysia 43400 UPM Serdang SELANGOR</p> <p>Tuan/Sir :</p> <p>PENERIMAAN LANTIKAN ACCEPTANCE OF APPOINTMENT</p> <p>Saya terima/tidak terima *lantikan ke jawatan / <i>hereby accept / decline</i> * for the post _____ di atas syarat-syarat yang terkandung di dalam surat tuan Bilangan <i>according to the terms/conditions stipulated in your letter with Reference No.</i> _____ yang bertarikh <i>dated</i> _____.</p> <p>2. Saya akan melaporkan diri mula bertugas bagi jawatan yang ditawarkan itu mulai <i>I will report for duty for the designated post commencing</i> _____.</p> <p>Tandatangan <i>Signature</i> : _____ No. K/P/No. Pasport / <i>I/C / Passport No.</i> : _____</p> <p>Nama <i>Name</i> : _____</p> <p>Alamat <i>Address</i> : _____ _____ _____</p>	

* Potong mana yang tidak berkenaan Cross whichever not applicable



SULIT

**BORANG ADUAN
SEKSYEN INTEGRITI PEJABAT PENDAFTAR
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**



No Aduan:		Tarikh dan Waktu Aduan:	
Nama Pengadu:			
No. Kad Pengenalan	No Paspot/No. Staf:	Umur:	
Bangsa:	Warganegara:	Pekerjaan:	
No. Telefon:		Emel:	
Alamat surat-menyurat:			
Aduan ditulis oleh:			
1. APA YANG BERLAKU?			
2. SIAPA YANG TERLIBAT?			
3. BILA KEJADIAN BERLAKU?			
4. DI MANA IA BERLAKU?			
5. BAGAIMANA KEJADIAN BERLAKU?			

Tandatangan:

5.	BAGAIMANA KEJADIAN BERLAKU?
6.	MENGAPA IA BERLAKU?
7.	SIAPA SAKSI YANG BOLEH MEMBANTU?

Tandatangan :

SEMAKAN / ULASAN URUS SETIA UNIT INTEGRITI

Kategori Kes :

- Tidak Hadir Bertugas
- Rasuah
- Salah Guna Kuasa
- Salah laku/ Tatatertib
- Gangguan Seksual
- Lain-lain (Sila Nyatakan)

Status Kes :

- Dalam Tindakan
- Tiada Tindakan
- Lain-lain

Disahkan oleh :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

	PENGENDALIAN KES EKSPLOITASI, PENDERAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL
	BORANG ADUAN KEJADIAN

No. Aduan :/.....

Tajuk Aduan

Tarikh Aduan : Masa :

BUTIRAN PENGADU :

Nama Pengadu :

No. Kad Pengenalan : No. Staf / No. Matrik :

Jawatan / Pekerjaan :

Alamat :

No. Telefon Bimbit : Emel :

BUTIRAN PIHAK YANG DISYAKI MENGGANGGU (PYDM) :

Nama :

No. Kad Pengenalan : No. Staf :

Fakulti :

Alamat :

No. Telefon Bimbit : Emel :

MAKLUMAT KEJADIAN :

Tarikh Kejadian : Masa Kejadian :

Tempat Kejadian :

Kekerapan Kejadian : Kesan Yang Dialami :

KETERANGAN ADUAN :

Sila lampirkan bukti aduan (jika ada)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

PENGESAHAN PENGADU :

Tandatangan Pengadu :

PENGESAHAN PEGAWAI PENERIMA LAPORAN :

Tandatangan dan Cap :

Tarikh :

BORANG RUJUKAN DAN PERSETUJUAN UNTUK MENGELUARKAN MAKLUMAT
REFERRAL AND CONSENT FORM FOR FOR RELEASE OF INFORMATION

A. PERKHIDMATAN YANG DIMINTA

Adakah mangsa telah dimaklumkan mengenai rujukan ini?

Ya Tidak (Sila jelaskan di bawah jika memilih tidak)

Rawatan Perubatan

Khidmat Kesihatan Mental /Sokongan Psikososial

Penempatan Sementara

Perkhidmatan Perlindungan dan Keselamatan

Khidmat Kebajikan Kanak-kanak

Bantuan Undang-Undang

Lain-lain (Sila nyatakan):

Sila jelaskan perkhidmatan yang ingin diminta:

<p>Saya, _____ (nama mangsa) No. K/P: _____, memahami tujuan rujukan dan pendedahan maklumat ini kepada _____ (nama organisasi yang menerima) adalah untuk memastikan keselamatan dan penjagaan yang sejajar di antara organisasi terlibat. Pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menerangkan dengan jelas prosedur rujukan kepada saya dan memberitahu saya maklumat yang akan didedahkan. Dengan menandatangani borang ini, saya memberikan keizinan maklumat saya didedahkan kepada organisasi penerima.</p>
<p>Tandatangan (mangsa/penjaga jika mangsa adalah kanak-kanak):</p>
<p>Tarikh (DD/MM/YY):</p>
<p>Catatan sekiranya keizinan telah diberi secara lisan dan mangsa tidak dapat menandatangani borang ini:</p>

Consent to disclosure of information.

(Read with survivor/caregiver and answer any questions before s/he signs below. Kindly make a note if consent is given verbally and survivor/caregiver cannot sign)

I, _____ (survivor name) IC No. _____, understand that the purpose of the referral and of disclosing this information to _____ (name of receiving agency) is to ensure the safety and continuity of care among service providers seeking to serve the client.

UPM has clearly explained the procedure of the referral to me and has informed me the exact information that is to be disclosed. By signing this form, I consented to the disclosure of my information to the receiving agency.

Signature of survivor (or caregiver/guardian if a child): _____

Date: _____

Note if the consent is given verbally due to the survivor is unable to sign the form:

Garis Panduan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD)

1. Jawatankuasa ini ditubuhkan secara pentadbiran dan bukan berasaskan mana-mana akta atau statut. Oleh itu jawatankuasa ini tidak terikat dengan mana-mana peraturan keterangan atau prosiding ketat seperti Jawatankuasa Tatatertib atau proses mahkamah.
2. Jawatankuasa hendaklah merujuk kepada terma rujukan (bidang kuasa dan tanggungjawab) yang dilampirkan bersama surat lantikan oleh Naib Canselor.
3. Jawatankuasa hendaklah memanggil pengadu dan mana-mana saksi yang didapati relevan dengan kes yang disiasat.
4. Jawatankuasa Siasatan Dalaman hendaklah memaklumkan kepada pengadu serta saksi-saksi tentang tarikh mereka akan dipanggil berhadapan dengan Jawatankuasa, namun notis awal berkenaan kehadiran hendaklah diberi sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum mesyuarat.
5. Jawatankuasa juga boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu dan sesuai untuk tujuan memperolehi penjelasan lanjut.
6. Jawatankuasa hanya bertujuan mencari kesahihan aduan yang dilaporkan (facts finding) dan bukan membuat kesimpulan/ dapatan mengenai kebersalahan atau ketidakbersalahan pegawai yang diadukan dalam surat aduan tersebut.
7. Jawatankuasa tidak sepatutnya menjelaskan butir-butir kesalahan pengadu (Sebagai contoh membacakan pertuduhan) kerana ini Jawatankuasa ini hanya bertujuan untuk mengumpul dan mendapatkan fakta kejadian.
8. Segala keterangan pengadu serta saksi-saksi hendaklah direkodkan, diminitkan dan dilampirkan bersekali dengan laporan Jawatankuasa.
9. Jawatankuasa perlu menyediakan laporan setelah selesai siasatan dan mengemukakan laporan tersebut kepada Naib Canselor.
10. Jawatankuasa sekiranya perlu akan dipanggil untuk membentangkan laporan serta hasil dapatan kepada Naib Canselor.

Mematuhi Prinsip Undang-Undang Umum

1. Pegawai yang diadu hendaklah dimaklumkan tentang butiran siasatan terhadapnya dan diberikan salinan dokumen bagi membolehkannya menjawab aduan tersebut. Tiada keterangan boleh digunakan terhadap seseorang staf melainkan staf tersebut diberi salinan dokumen atau diberi akses kepada dokumen terbabit.
2. Jawatankuasa ini tidak tertakluk kepada mana-mana prosiding dan ia tidak bersifat 'adversarial' di mana dua pihak yang berlawanan berhujah atau berdebat kes mereka di hadapan panel hakim yang berkecuali.
3. Siasatan dilakukan dengan cara memanggil pembuat laporan, saksi dan pegawai yang disiasat di hadapan jawatankuasa secara individu pada masa yang berlainan.
4. Jika terdapat percanggahan fakta atau fakta baru diperolehi maka pegawai yang disiasat atau mana-mana saksi boleh dipanggil semula untuk mengesahkan fakta tersebut.
5. Secara amnya Jawatankuasa tidak boleh mengambil kira apa-apa bukti/keterangan yang tidak diutarakan semasa prosiding atau yang disembunyikan dari pegawai yang diadu.
6. Jika pegawai yang diadu memohon masa untuk menjawab fakta baru/bukti/keterangan maka penangguhan hendaklah diberikan.
7. Untuk menjalankan tugas mencari dan mendapatkan fakta-fakta yang relevan serta menjelaskan isu-isu, Jawatankuasa ini seharusnya mengambil pendekatan penyiasatan/penyelidikan. Jawatankuasa ini boleh mencari, menyiasat, memeriksa, mernpelawa, menyoal dan menyoal balas tetapi hendaklah dilakukan dengan sedemikian cara yang tidak mengabaikan prinsip undang-undang tabii (rules of natural justice):
 - i) *rules against bias,*
 - ii) *right to be heard.*
8. Jika terdapat percanggahan keterangan Jawatankuasa hendaklah membuat pertimbangan dan memutuskan keterangan mana yang lebih dipercayai.
9. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan cadangan atau dapatan berdasarkan keterangan atau bukti yang diperolehi kepada Naib Canselor.

KERAHSIAAN : Semua maklumat adalah diklasifikasikan sebagai "SULIT". Semua ahli Jawatankuasa Siasatan Dalaman tidak boleh menyebarkan, mengedar, berkongsi atau mendedahkan apa-apa kandungan aduan atau maklumat berkaitan siasatan serta hendaklah mematuhi prinsip kerahsiaan dan tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88).

Disediakan oleh:
Seksyen Integriti
Pejabat Pendaftar
Universiti Putra Malaysia

SULIT

Rujukan Kami : UPM/NC/32/11
Tarikh : 2020

Nama
Jawatan
PTJ
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR

Tuan/Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI SETIAUSAHA JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan satu laporan aduan daripadapada , mengenai.....nama....., jawatan...., Jabatan, Fakulti Terdapat dua (2) isu yang diadakan merangkumi perkara-perkara seperti berikut :

i. **Isu 1:**

ii. **Isu 2:**

3. Sehubungan dengan itu, puan adalah dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa Siasatan Dalaman yang ditubuhkan bagi menyiasat kes tersebut.

4. Keanggotaan Jawatankuasa Siasatan Dalaman yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

Pengerusi:

YBhg. Profesor Dr.
Fakulti

Ahli-ahli :

YBhg. Profesor Dr.
Fakulti

YBhg. Profesor Dr.
Fakulti

Setiausaha

Puan
Fakulti

SULIT

Muka 2

5. Saya yakin dengan pengalaman, kemahiran dan pengetahuan puan, Jawatankuasa tersebut di atas akan dapat melaksanakan fungsinya dengan baik, adil dan berkesan. Siasatan yang dilaksanakan adalah menerusi kaedah-kaedah seperti soal-selidik, temu ramah dan semakan terhadap dokumen-dokumen berkaitan yang bersesuaian. Saya berharap Jawatankuasa ini akan dapat mengemukakan laporan yang menyeluruh dan syor kepada saya dalam tempoh **satu (1) bulan** daripada tarikh surat ini. Laporan tersebut hendaklah menyertakan rakaman, catatan soal-selidik, temu ramah dan senarai dokumen-dokumen yang telah disemak dan diteliti oleh Jawatankuasa beserta dapatan-dapatan Jawatankuasa mengenainya.

6. Saya ingin menarik perhatian puan bahawa segala maklumat yang berkaitan dengan pelantikan jawatankuasa siasatan dalaman dan siasatan ini adalah diklasifikasikan sebagai '**SULIT**' dan tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Bersama-sama ini disertakan terma rujukan bagi Jawatankuasa Siasatan Dalaman menjalankan tugasnya.

7. Segala kerjasama dan perhatian puan, dalam hal ini saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,

PROFESOR DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN

Naib Canselor

Universiti Putra Malaysia

SULIT

s.k. Pendaftar, UPM

Fail peribadi/A.....

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN

A. Tanggungjawab Jawatankuasa Siasatan Dalaman

Jawatankuasa Siasatan Dalaman hendaklah : -

- a) membuat siasatan dan penelitian;
- b) mendapatkan fakta serta butiran lanjut; dan
- c) mengenal pasti kesahihan aduan

daripada laporanberhubung tatakelakuan,, Fakultiyang dikatakan :

- i) mengenakan tekanan sewaktu menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar ke atas pelajar xxxxxx No. Matrik: xxxxx Program Doktor Falsafah, sehingga menyebabkan pelajar terganggu dan mengalami trauma;
- ii) dalam tempoh tersebut :
 - a) telah membuka syarikat atas nama xxxxxxxx bagi penganjuran satu konferens,
 - b) mempergunakan pelajar bagi melakukan kerja-kerja konferens,
 - c) mencadangkan kepada pelajar supaya mengupah seseorang untuk menulis tesis disebabkan kesibukan mengendalikan konferens; dan
 - d) memberikan gred Tidak Memuaskan (TM) dalam Laporan Kemajuan pelajar.
- iii) Terdapat diskriminasi oleh Pengurusan Fakulti xxxxxxxxx terhadap beliau kerana pada Semester 2 2018/2019 tidak dibenarkan mengajar Kursus Siswazah. Perkara ini dimaklumkan 3 hari sebelum kuliah bermula. Bagi Semester 1/2019/2020 beliau juga tidak diberikan kursus siswazah untuk diajar kerana alasan tiada kursus untuk beliau dalam satu laporan bertarikh 23 Oktober 2019 daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM.

* Jawatankuasa Siasatan Dalaman walau bagaimanapun, tidak membuat apa-apa kesimpulan mengenai kebersalahan atau ketidakbersalahan pegawai yang diadukan dalam surat aduan tersebut.

B. Bidangkuasa Jawatankuasa Siasatan Dalaman

Jawatankuasa mempunyai segala kuasa yang perlu, setakat mana ianya melibatkan perkara yang disebut di perenggan A di atas yang mana termasuklah:

- i. memanggil, menyoal dan menemuduga pengadu iaitu Puan xxxxxx No. Matrik:xxxxx , Program Doktor Falsafah;
- ii. memanggil, menyoal dan menemuduga Dekan, Fakulti xxxxxxxx UPM;
- iii. memanggil, menyoal dan menemuduga Timbalan Dekan (Siswazah dan Antarabangsa) Fakulti xxxxx UPM;
- iv. memanggil, menyoal dan menemuduga Ketua Jabatan xxxxxxxx UPM
- v. memanggil, menyoal dan menemuduga Penyelaras Siswazah, Jabatan xxxxxx UPM;
- vi. memanggil, menyoal dan menemuduga pegawai yang diadu iaitu xxxxx , Pensyarah Kanan, Jabatan xxxxxxx
- vii. boleh berhubung, menyoal dan menemuduga mana-mana pegawai dan orang perseorangan lain;
- viii. mengakses dan meneliti semua dokumen-dokumen yang berkenaan dan berkaitan dengan penelitian kes; dan
- ix. mengemukakan laporan, rakaman, catatan, soal-selidik, temu-ramah serta senarai dokumen yang telah disemak dan diteliti oleh Jawatankuasa Siasatan Dalaman serta membuat dapatan, cadangan tindakan yang perlu diambil oleh pihak Universiti seperti:
 - a) Tindakan secara undang-undang;
 - b) Tindakan tatatertib; atau
 - c) Tindakan secara pentadbiran.ke atas, Jabatan, Fakulti..... atau pegawai lain yang telah dikenalpasti oleh Jawatankuasa Siasatan Dalaman dan;
- x. membentangkan hasil laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman pada tarikh yang akan ditetapkan.

PROFESOR DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN

Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia

LAPORAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN BAGI KES ADUAN _____

1.0 PENDAHULUAN

Universiti Putra Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman melalui surat bertarikh _____ oleh YBhg. Naib Canselor untuk membuat siasatan dengan mendapatkan butiran lanjut, mengkaji serta menimbang dan mengenalpasti kesahihan aduan dan laporan hasil siasatan dari _____ berhubung dengan tatakelakuan _____ *(Pegawai Yang Disiasat, selepas ini disebut "PYD". (Keanggotaan Jawatankuasa Siasatan Dalaman adalah seperti berikut :

Pengerusi:

Nama
PTJ

Ahli-ahli:

Nama
PTJ

Nama
PTJ

Setiausaha:

Nama
PTJ

Salinan surat pelantikan dan bidang kuasa yang ditetapkan adalah seperti di **Lampiran 2**.

Bidang kuasa yang ditetapkan bagi membolehkan Jawatankuasa menjalankan siasatan adalah seperti berikut :

- i) memanggil, menyoal dan menemuduga pegawai yang disiasat iaitu _____;
- ii) boleh berhubung, menyoal, menemuduga mana-mana pegawai dan orang perseorangan lain;
- iii) mengakses dan meneliti semua dokumen-dokumen yang berkenaan dan berkaitan dengan penelitian kes; dan
- iv) membuat dapatan serta cadangan tindakan seterusnya yang perlu diambil kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti.

2.0 TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN

Jawatankuasa Siasatan Dalaman adalah bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan dengan mendapatkan butiran lanjut, mengkaji serta menimbang dan mengenalpasti kesahihan aduan dan laporan hasil siasatan dari _____ berhubung dengan tatakelakuan _____.

3.0 LATAR BELAKANG

Kes ini disiasat setelah _____

4.0 KRONOLOGI SIASATAN

Jawatankuasa telah menjalankan _____ siri siasatan dalaman bagi mendapatkan bukti kesahihan aduan terhadap PYD yang merangkumi skop siasatan seperti berikut :

Siasatan Siri Pertama (Tarikh, Masa)

*(rekodkan butiran temubual)

Siasatan Siri Kedua (Tarikh, Masa)

*(rekodkan butiran temubual)

Siasatan Siri Ketiga (Tarikh, Masa)

*(rekodkan butiran temubual)

Siasatan Siri Keempat (Tarikh, Masa)

*(rekodkan butiran temubual)

5.0 DAPATAN SIASATAN KES

6.0 RUMUSAN

Jawatankuasa mendapati aduan tentang salahlaku berhubung dengan tatakelakuan _____ adalah seperti berikut :

- (i)
- (ii)
- (iii)

7.0 7SYOR JAWATANKUASA

Setelah meneliti semua dokumen yang terlibat serta berdasarkan kepada keterangan selepas sesi temubual / yang ada, jawatankuasa :

- merumuskan dan mengesyorkan _____
- mendapati ada / tidak ada bukti yang kukuh yang boleh menyebabkan PYD dianggap melakukan kesalahan sehingga tindakan selanjutnya boleh diambil terhadap PYD.
- Jawatankuasa mengesyorkan supaya Naib Canselor mengambil maklum laporan aduan tentang salahlaku berhubung dengan tatakelakuan PYD oleh Jawatankuasa Siasatan Dalaman untuk tindakan selanjutnya (aduan sah / tak sah) / dan mengesyorkan tindakan samada pentadbiran atau tatatertib dimulakan ke atas PYD.

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN 1 - Salinan surat aduan bertarikh _____
- LAMPIRAN 2 - Senarai Keanggotaan Jawatankuasa Siasatan Dalaman
- LAMPIRAN 3 -
- LAMPIRAN 4 -
- LAMPIRAN 5 -

PENGESAHAN AHLI JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN

Pengerusi

Nama _____ Tandatangan
PTJ _____

Tarikh :

Ahli :-

Nama _____ Tandatangan
PTJ _____

Tarikh :

Nama _____ Tandatangan
PTJ _____

Tarikh :

Setiausaha

Nama _____ Tandatangan
PTJ _____

Tarikh :